

NO. SOALAN: 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10325

SOALAN :

Tuan Haji Hasbi Bin Haji Habibollah [Limbang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah Kementerian akan mengadakan lagi Ops Cantas untuk menangani masalah gengsterisme, judi haram, dadah secara amnya dan membanteras habis-habisan gejala syabu di Parlimen Limbang khususnya.

53

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Operasi Cantas (Op Cantas) telah dilancarkan oleh PDRM pada 17 Ogos 2013 secara “total enforcement” melibatkan semua unit dalam PDRM untuk mengekang aktiviti jenayah kekerasan dalam negara. Mulai tahun 2015, konsep Op Cantas telah diubah kepada aktiviti pencegahan dengan memberi fokus kepada pembanterasan aktiviti kumpulan kongsi gelap dan gengsterisme dengan mengambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) dan Akta Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) dan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (SOSMA) 2012. Pelaksanaan Op Cantas adalah mengikut keperluan berdasarkan maklumat-maklumat risikan yang diperoleh dari semasa ke semasa.

Statistik tindakan yang diambil terhadap ahli kongsi gelap di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) dari tahun 2015 hingga September 2017 adalah seperti berikut:

| Tindakan POCA | Tahun 2015 | Tahun 2016 | Tahun 2017 |
|-------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| Melayu | 5 | 20 | 7 |
| Cina | 20 | 9 | 48 |
| India | 88 | 121 | 86 |
| Lain-Lain Bangsa | 0 | 0 | 1 |
| Jumlah | 113 | 150 | 142 |

Statistik tindakan yang diambil terhadap ahli kongsi gelap di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (SOSMA) dari tahun 2015 hingga September 2017 adalah seperti berikut:

| TAHUN | TINDAKAN TERHADAP INDIVIDU (Ahli Geng) | | | |
|-----------------|----------------------------------------|---------------|--------------|-------|
| | JUM. TANGKAPAN | TUDUH (SOSMA) | PROSES DAKWA | BEBAS |
| 2015 | 14 | - | - | 9 |
| 2016 | 31 | 4 | 26 | 4 |
| 2017 (JAN-SEPT) | 242 | 6 | 163 | 48 |
| JUMLAH | 287 | 10 | 189 | 61 |

55

Statistik tangkapan terhadap ahli kongsi gelap di bawah Op Cantas Fasa 2 dari Januari hingga September 2017 di seluruh negara adalah seperti berikut:

| KONTINJEN | JUMLAH TANGKAPAN | | | | |
|------------|------------------|------|-------|-----------|--------|
| | MELAYU | CINA | INDIA | LAIN-LAIN | JUMLAH |
| K/LUMPUR | 19 | 8 | 95 | 1 | 123 |
| SELANGOR | 12 | 14 | 156 | 0 | 182 |
| JOHOR | 7 | 108 | 117 | 0 | 232 |
| P/PINANG | 2 | 31 | 96 | 0 | 129 |
| PERAK | 3 | 42 | 121 | 0 | 166 |
| SABAH | 1 | 1 | 1 | 41 | 44 |
| SARAWAK | 12 | 35 | 0 | 7 | 54 |
| PAHANG | 21 | 1 | 33 | 0 | 55 |
| KEDAH | 15 | 5 | 112 | 0 | 132 |
| N/SEMBILAN | 4 | 17 | 89 | 0 | 110 |
| MELAKA | 3 | 34 | 23 | 0 | 60 |
| PERLIS | 1 | 0 | 0 | 0 | 1 |
| KELANTAN | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| T/GANU | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| JUMLAH | 100 | 296 | 843 | 49 | 1,288 |

Sejak Op Cantas dilancarkan, PDRM telah berjaya mengurangkan kes-kes berunsurkan kekerasan yang lazimnya dilakukan oleh kumpulan kongsi gelap. Tindakan secara berterusan akan dilakukan oleh pihak PDRM sehingga perasaan "*Fear of crime*" dapat dikurangkan di kalangan penduduk di seluruh negara termasuk di Parlimen Limbang.